



Headline: Macau Scam: Pensyarah dakwa rugi lebih RM300,000 Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Nasional

Date: 26 July 2020

Page: 13

Macau Scam: Pensyarah dakwa rugi lebih RM300,000

KUANTAN: Seorang pensyarah wanita di Maran dekat sini membuat laporan polis mendakwa dirinya kerugian RM325,00 yang turut merangkumi pinjaman bank selepas diperdaya sindiket Macau Scam sejak Ogos tahun lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Supt Mohd Wazir Mohd Yusof berkata mangsa yang berusia 41 tahun itu mendakwa mula dihubungi seorang lelaki pada awal Ogos tahun lepas, kononnya kakitangan Mahkamah Perlis berhubung perbicaraan kes langgar lari.

Mangsa yang menafikan terbabit dalam 'kes' tersebut kemudian disambung ke balai polis dan suspek kedua menakut-nakutkan mangsa bahawa dirinya berdepan hukuman gantung sampai mati kerana terlibat dalam sindiket dadah dan pengubahan wang haram menyebabkan mangsa terus panik.

"Suspek juga mendakwa sebuah kereta peronda polis dalam perjalanan untuk menangkap mangsa menyebabkan wanita itu terus merayu sebelum diarahkan bercakap pula dengan suspek ketiga kononnya pegawai di Bukit

Aman yang mengendalikan kes itu," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata mangsa mendakwa 'pegawai' itu memaklumkan mereka mempunyai bukti cap jari dan rakaman kamera litar tertutup yang mengaitkan mangsa dan bagi membersihkan dirinya mangsa perlu membantu 'siasatan' tanpa pengetahuan individu lain.

Mangsa mendakwa diarahkan memindahkan wang simpanan berjumlah RM50,000 dan wang simpanan anaknya sebanyak RM30,000 ke akaun diberikan 'pegawai' itu kononnya bagi mengelakkan wang tersebut dirampas pihak berkuasa.

"Suspek juga mengarahkan mangsa membuat pinjaman bank sebanyak RM100,000 pada penghujung Ogos 2019 kononnya bagi risikan perjalanan wang diikuti tiga lagi pinjaman bank melibatkan jumlah antara RM30,000 hingga RM70,000 yang kemudiannya perlu dipindahkan ke akaun diberikan suspek," katanya.

Mohd Wazir menambah mangsa turut mendakwa diarahkan menjual rumah miliknya yang bernilai RM190,000 di Selangor atas

alasan mengelakkan rasa curiga hartanah dibeli secara tidak sah, namun mangsa enggan menyebabkan suspek mendesak mangsa membuat pinjaman atas nilai sama.

"Suspek mendakwa jumlah itu telah ditulis dalam laporan kepada pegawai atasan dan dirinya berkemungkinan dibuang kerja jika wang itu tiada. Mangsa bagaimanapun memaklumkan bahawa namanya sudah tidak boleh membuat pinjaman kerana telah berada pada tahap maksimum yang dibenarkan," katanya.

Setelah hampir setahun berurusan dengan suspek, mangsa akhirnya berasa curiga selepas tidak lagi menerima panggilan daripada suspek berhubung perkembangan siasatan, selain cubaan menghubungi suspek juga gagal menyebabkan dia berasa ditipu.

Sehubungan itu, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Maran, kira-kira 67 kilometer dari sini semalam, dan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh didenda, jika sabit kesalahan. — Bernama